AKHBAR : SELANGORKINI

TARIKH : 14 JANUARI 2022

KERATAN AKHBAR

# Limpahan lima empangan terkawal, simpanan air cukup jika kemarau



**Empangan Semenyih. Foto Facebook Air Selangor**

SHAH ALAM, 14 JAN: Lima empangan di negeri ini berlaku limpahan takungan kerana mencapai had simpanan.

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) memaklumkan situasi itu bagaimanapun terkawal dan status simpanan takungan adalah 100 peratus.

“Simpanan semasa ini berkeupayaan menyediakan sumber bekalan air seluruh Selangor melebihi tiga bulan tanpa hujan.

"Situasi semasa turut menunjukkan lima empangan berlaku limpahan takungan berikutan telah mencapai had simpanan penuh dan ianya secara terkawal," katanya di Facebook.

Menerusi perkongsian infografik, lima empangan yang berlaku limpahan adalah Sungai Tinggi (Hulu Selangor), Tasik Subang (Petaling), Sungai Selangor (Hulu Selangor), Sungai Langat (Hulu Langat) dan Semenyih (Hulu Langat).

